

Ucapan : ADHO
425
44/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-upachara Pembukaan Rasmi Pameran Buku2
Indonesia di-Balai Budaya, Dewan Bahasa
dan Pustaka pada 12hb. April, 1971 pukul
4.30 petang.

Saya mengucapkan terima kaseh kepada Pehak Penganjor Pameran ini kerana menjemput saya membuka Pameran Buku2 Indonesia ini. Saya di-fahamkan bahawa ini-lah kali pertama Pameran Buku2 Indonesia seperti ini di-adakan di-Kuala Lumpur. Dengan itu saya sangat2-lah menghargai kerjasama dari Pehak Penganjor Pameran ini.

Pameran Buku2 dari Malaysia telah pernah di-adakan di-Indonesia ia-itu dalam tahun 1968 di-Medan dan satu lagi Pameran Buku2 Malaysia telah di-adakan di-Jakarta pada tahun 1970 dengan mendapat sambutan yang lebeh meriah.

Sebagaimana yang kita sedia maalum Malaysia dan Indonesia telah mengikat perjanjian persahabatan sejak tahun 1959 dan telah di-perbaharui serta di-perkuatkan lagi. Saya anggap perjanjian persahabatan ini ada-lah penting bagi Indonesia dan Malaysia kerana kedua2 buah negara ini mempunyai banyak persamaan terutama dalam lapangan Kebudayaan, termasuk-lah lapangan Perkembangan Bahasa dan kemajuan penerbitan buku2 yang berhubung rapat dengan kemajuan pelajaran dan perkembangan bahasa.

Dengan ada-nya Pameran Buku2 seperti ini rakyat Malaysia akan dapat mengetahui perkembangan dan kemajuan Bahasa Indonesia dalam segala lapangan terutama dalam lapangan pelajaran. Kita juga tahu Pameran Buku2 ini ada-lah satu chara yang paling berkesan bagi merapatkan hubungan antara kedua2 buah negara ia-itu Malaysia dan Indonesia, kerana buku2 melambangkan pemikiran dan kemajuan satu2 bangsa. Melalui buku juga penduduk2 yang berada di-sabelah menyebelah Selat Melaka dapat menilai dan memahami jiwa serta fikiran masing2 dengan lebeh dekat dan mendalam. Yang amat penting di-perhatikan ia-lah buku2 Indonesia yang di-pamerkan ini tertulis dalam Bahasa Indonesia yang mana bahasa itu juga berasal dari satu rumpun yang sama dengan Bahasa Malaysia yang di-gunakan di-negeri ini.

Sejarah dan penjajahan telah lama memisahkan kedua2 buah negara kita, dengan itu ada-lah di-harapkan hubungan yang rapat dapat di-perkuatkan dan di-jalin semula dan di-fikirkan Pameran Buku2 sa-rupa ini ada-lah salah satu chara yang dapat melaksanakan tujuan2 tersebut.

Bahasa Indonesia telah menchapai kemajuan yang pesat kerana bahasa itu telah lama di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi di-negara itu. Manakala bahasa Malaysia maseh muda dalam usianya sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini kerana perbedzaan sejarah antara kedua2 negara. Sunggoh pun begitu Bahasa Malaysia sekarang sedang berkembang dengan pesat dan banyak istilah2 baru terutama-nya istilah2 ilmu pengetahuan tinggi telah di-chipta oleh Dewan Bahasa bagi di-gunakan dengan sa-luas2-nya oleh semua pihak. Di-perengkat ilmu pengetahuan tinggi saya rasa kedua2 bahasa ini ia-itu bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia mempunyai sifat2 dan mutu yang sama, oleh itu saya sangat2 berharap para intelek, sarjana2 dan para ilmuan di- kedua2 buah negara, samada terlibat sa-chara lansong atau tidak dalam proses pembenaan kedua2 bahasa tersebut memikirkan masaalah penyelarasan kedua bahasa ini sa-chara bersunggoh2. Usaha ini tidak-lah perlu di-buat sa-chara formal, umpama-nya dengan mengadakan meshuarat2 antara kedua buah negara tetapi memadai-lah dengan chara bertukar fikiran dan pendapat melalui bahan2 tulisan serta melalui pertemuan antara para sarjana dengan para sarjana. Dengan chara demikian lama kelamaan akan timbul persamaan antara mereka mengenai chara2 menyelaraskan istilah2 antara kedua buah negara kita. Apa yang hendak saya tegaskan di-sini ia-lah tentang mustahak-nya kita mempunyai kerjasama yang lebeh rapat dalam lapangan pembenaan bahasa ini supaya kedua2 bahasa berkembang menurut satu haluan yang sama.

Pada masa sekarang buku2 Indonesia banyak di-gunakan di-Malaysia, terutama sekali buku2 pengajian tinggi yang banyak di-gunakan oleh penuntut2 universiti kita. Dalam usaha memajukan penulisan buku2 pengajian tinggi dalam bahasa Melayu, kita juga perlu mengadakan kerjasama yang rapat antara kedua buah negara. Pada masa sekarang kebanyakan dari buku2 pengajian tinggi yang di-terbitkan dalam bahasa Melayu ada-lah hasil2 terjemahan dari buku2 Inggeris. Saya mendapat tahu bahawa rancangan menterjemah buku2 untok pengajian tinggi ini ada juga di-jalankan di-Indonesia. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan persefahaman dengan pihak di-Indonesia dalam rancangan terjemahan ini dengan tujuan untok mengelakkan berlaku-nya "duplication" dalam kerja2 tersebut.

Kemajuan satu2 bangsa boleh kita lihat dari bahan2 tulisan yang di-hasilkan oleh bangsa itu. Bangsa kita ada-lah satu bangsa yang telah banyak menchapai kemajuan dalam berbagai lapangan, termasuk-lah lapangan intelak. Tetapi kemajuan ini tidak di-gambarkan dengan seluas-luas-nya melalui bahan2 tulisan dalam bahasa kita sendiri. Boleh jadi salah satu sebab-nya ia-lah kerana selama ini kita banyak bergantung kepada buku2 dari luar negeri, terutama-nya buku2 dalam bahasa Inggeris. Perkara ini ada-lah di-sebabkan oleh sistem pelajaran British dahulu. Tetapi sekarang negara kita telah menchapai kemerdekaan selama kira2 lima belas tahun dan banyak kemajuan telah terchapai hinggakan pada masa sekarang kita mempunyai "commitment2" baharu. Misal-nya kita telah terlibat dalam ranchangan pelajaran melalui bahasa kebangsaan kita dari peringkat rendah hingga ka-peringkat tinggi. Di-samping ini kita juga terlibat dalam ranchangan memodenkan masharakat kita melalui pelajaran sains dan teknologi. Ranchangan2 ini tidak akan berjaya jika kita tidak mempunyai saluran atau alat untok menyampaikan bahan2 yang di-perlukan itu kepada seluroh masharakat atau kepada penuntut2 kita dalam bahasa kebangsaan kita. Di-sini-lah saya rasa terletak-nya tugas penting kaum intelek dan para sarjana kita di-negeri ini, ia-itu tugas untok menyediakan buku2 yang bermutu dalam semua perkara dan dari semua peringkat, untok semua jenis pembacha dalam bahasa Malaysia. Saya faham bahawa tugas ini memang-lah berat tetapi tugas yang berat ini tentu-lah dapat kita atasi jika kita mempunyai matlamat dan ranchangan yang konkrit dan menasabah. Saya berharap universiti2 di-negeri ini akan memberikan perhatian yang bersungguh2 kepada perkara ini. Satu chara yang agak baik untok mengatasi kekurangan buku2 pengajian tinggi dalam bahasa Malaysia, pada ketika ini, ia-lah dengan menggalakkan pertukaran buku2 Indonesia dan Malaysia.

Akhir sekali saya menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada pihak Kedutaan Besar Indonesia di-Malaysia dan mereka2 yang terlibat di-atas usaha2 dan kerjasama mereka menganjorkan Pameran Buku2 Indonesia yang amat berharga ini. Saya juga berharap Pameran2 yang sa-rupa ini akan dapat di-adakan lagi di-masa2 yang akan datang. Dengan itu saya rasmikan Pameran Buku2 Indonesia ini.



No. Siri	23
No Penerimaan	23/80